

13 NOV 1997

Pesara-Miskin

KERAJAAN DIMINTA NAIKKAN PENCEN PESARA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, (PPKM) merayu agar kerajaan menaikkan pencen minimum kepada tahap di atas paras kemiskinan bagi membolehkan para pesara meneruskan saki baki hidup mereka dalam kesempurnaan.

"Kebanyakan pesara kini hidup di bawah paras kemiskinan, iaitu RM400. Ada yang dapat pencen kurang daripada RM200 sebulan, macam mana nak hidup?" kata Yang Dipertua PPKM, Tan Sri Abdullah Ayub kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Afiffudin Haji Omar di Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Abdullah berkata PPKM meminta kerajaan menaikkan sedikit pencen agar pesara dapat hidup dalam keadaan di luar belunggu kemikiskinan sebelum mereka meninggal dunia.

Katanya, Dr Affifudin yang "nampaknya simpati" berjanji akan memanjangkan keluhan PPKM itu kepada Menteri Kewangan yang juga Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan.

Turut serta dalam perwakilan PPKM itu ialah Timbalan Yang Dipertuanya, Tan Sri Abdullah Mohd Salleh, Naib Yang Dipertua Datuk Hussain Mohamed Osman dan Setiausaha Agung Encik Nordin Aphyandy Abu Bakar.

Pada pertemuan itu, PPKM juga meminta kerajaan melaksanakan segera formula baru pencen yang mana perkiraan pencen dibuat tanpa had tempoh perkhidmatan, seperti yang telah diumumkan dan diluluskan kerajaan pada 31 Jan 1996.

"Oleh kerana pendapatan para pesara sangat kecil, jadi para pesara berharap kerajaan dapat menimbangkan pemberian imbuhan sebulan pencen, seperti bonus sebulan gaji yang dibayar kepada pegawai kerajaan setiap tahun," tambahnya.

Menurut Abdullah, PPKM juga berharap kerajaan dapat meluluskan segera peruntukan sebanyak RM4 juta atau RM5 juta bagi membolehkan Yayasan Pesara yang dicadangkan bergerak secepat mungkin untuk kebajikan para pesara dan keluarga mereka.

"Kalau kerajaan bantu, dapatlah kita lancar segera yayasan itu kerana kerajaan hanya terlibat dengan membayar pencen saja, tidak siapa yang ambil tahu nasib para pesara," katanya.

PPKM kini mempunyai 25,000 anggota meskipun jumlah pesara di seluruh negara termasuk balu atau janda pesara adalah 300,000. -- BERNAMA

ZAB RI